

Mujur tibi bukan HIV

Dipinggirkan sebab penyakit buat Syahdan insaf



Kalau terkena tibi pun sudah disisihkan sesetengah orang, macam mana kalau HIV? Apa ibu bapa saya mahu jawab kalau ditanya punca kematian anaknya?

- Syahdan

apabila dia selalu tidak dapat ikut mereka keluar bergembira.

"Hasil pemeriksaan menunjukkan saya terkena tibi. Saya ditahan wad selama dua bulan. Mahu tak mahu dunia pekerjaan dan keseronokan dunia terpaksa ditinggalkan tanpa rela," ujar Syahdan.

Sepanjang dua bulan di wad, tidak banyak yang boleh dilakukan Syahdan melainkan berfikir dan berfikir. Kawan-kawan yang selama ini bergelak tawa bersama langsung tidak nampak batang hidung. Kata mereka, takut berjangkit. Yang ada cuma ibu bapa Syahdan yang sudah tua namun gigih menemaninya siang dan malam tanpa sedikit pun merungut.

"Waktu inilah fikiran saya berperang

Gambar lama Syahdan ketika berpakaian seperti wanita.

Syahrizal 2011/3/18/18/18/18

BUKAN cerita kosong, kisah lelaki yang menjalani hidup songsang bermula daripada pengalaman di alam persekolahan sudah biasa bertebaran. Demikian juga titik mula Syahdan (bukan nama sebenar), 30, menjalani hidup yang tergelincir daripada fitrah sebenar jantinya.

Mengimbas momen gelap tersebut, segala-galanya bermula apabila dia dipelawa menumpang rumah seorang guru ketika berada di tingkatan tiga. Tidak menaruh sebarang syak wasangka ditambah fikiran yang boleh dikatakan naif ketika itu, Syahdan fikir ini peluang keemasan untuknya lebih bersedia menghadapi Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang kian hampir.

Sebagai anak keenam daripada lapan beradik, pertolongan Cikgu Halim turut dianggap rahmat buat ibu bapa dan keluarga Syahdan yang sederhana. Justeru mereka awal-awal lagi sudah berikrar bahawa Cikgu Halim adalah saudara dunia akhirat.

"Satu malam, dia berkelakuan pelik apabila mencium pipi ketika saya sedang menyiapkan latihan di bawah seliaannya," imbau Syahdan.

Saat itu dia mula berasa janggal dan kurang selesa namun perasaan hormat membuatnya menjadi seolah-olah patung bernyawa. Kesudahannya, syaitan bertepuk tangan melihat dua anak Adam berjaya dilumpuhkan dengan nafsu.

Rupa-rupanya, pertolongan Cikgu Halim ada udang di sebalik batu. Malah setelah dirisik-risik, Syahdan mendapat tahu antara punca rumah tangga cikgu tersebut berantakan hingga ditinggalkan isteri disebabkan perkara ini juga.

Hanya untuk 'seronok-seronok'

Selepas tamat PMR, Syahdan menyambung pengajian di sebuah sekolah berasrama. Di sini, perasaan ingin mengulangi apa yang pernah dilakukan bersama Cikgu Halim kadangkala datang namun berjaya di-

lawan Syahdan. Dia menyibukkan diri dengan pelbagai aktiviti pembelajaran dan sukan. Berkat usaha gigih, dia memperoleh keputusan cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) seterusnya layak menyambung pengajian di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

"Saya ditempatkan sebilik dengan seorang senior yang agak terkenal kalangan penghuni lain kerana kacak, aktif dan rajin termasuk melibatkan aktiviti keagamaan," ujar Syahdan.

Personaliti dimiliki lelaki rebutan kampus ini membuatkan Syahdan sendiri terpesona. Meskipun bagi Firdaus, Syahdan mungkin cuma teman sebilik yang rapat tapi di mata Syahdan, dia telah menimbulkan satu perasaan seperti jatuh cinta yang sukar diungkapkan keindahannya. Setiap gerak geri, gaya cakap dan layanan Firdaus seolah-olah godaan yang sukar ditepis Syahdan.

Hinggalah satu malam, Syahdan mengulangi apa yang pernah dilakukan Cikgu Halim kepada Firdaus. Entah syaitan apa yang merasuk, Firdaus yang selama ini kelihatan keras dan tegas dalam banyak hal boleh menjadi lemah dan akur.

Sejak itu, mereka mula terlibat dengan kegiatan tidak bermoral. Selama tiga tahun mereka menjalin hubungan terlarang yang bagi Syahdan, cukup membahagiakan. Namun detik itu bakal berakhir apabila Firdaus menamatkan pengajian lebih awal daripada Syahdan.

"Sebelum itu pun dia dah mula dingin. Rupa-rupanya dia ada menjalin hubungan dengan seorang gadis dan memutuskan untuk berkahwin sebaik habis belajar. Kekecewaan saya alami pada masa itu sangat dahsyat apatah lagi dia enggan bertemu saya dan pergi begitu saja pada hari terakhirnya," kata Syahdan.

Sejak itu Syahdan berpijak di bumi nyata. Dia yang bertekad sebarang hubungan tidak patut melibatkan perasaan, berjinak-jinak

dengan laman sembang yang banyak diikuti oleh lelaki berorientasi seks sepertinya.

"*One night stand* jadi kebiasaan. Berbual, bertukar nombor dan atur pertemuan diakhiri projek maksiat," ujar Syahdan yang meneruskan kehidupan sebegitu sampai ke alam pekerjaan.

Pekerjaannya di sebuah syarikat swasta pula seolah-olah memudahkan lagi gaya hidup dijalaninya. Di tempat kerja, dia bebas mengatur gaya pakaian dan cara komunikasi tanpa perlu disorok-sorok. Justeru lenggok jalan dan cakap mula berubah.

"Saya mula mengenakan solekan dan mengambil pil hormon. Di tempat kerja pun ada beberapa orang seperti saya jadi kami menjadi rapat dan menyokong satu sama lain," ujar Syahdan yang turut menukar panggilan nama kepada nama wanita.

Diserang penyakit batuk

Sudah menjadi perkara biasa dalam kalangan golongan lembut, bahasa digunakan agak kasar. Meskipun bermaksud gurau kadangkala ayat digunakan tidak mampu diterima orang tertentu.

"Ketika berurusan dengan seorang kakak di bahagian akaun syarikat, saya mengeluarkan percakapan yang bagi dia agak kasar. Tapi bagi saya itu gurauan biasa-biasa sahaja. Ayat dia yang tak boleh saya lupa, 'kau gelak la puas-puas sebelum mati beragan'," ujar Syahdan.

Tidak lama selepas kejadian itu, badannya ditumbuhi bintik-bintik gatal. Dia sering berasa hendak demam terutama menjelang Maghrib. Dia turut diserang penyakit batuk yang tidak sembuh-sembuh.

Hari demi hari, kesihatan Syahdan kian merosot membuatnya dia akhirnya mengagahkan diri ke hospital mendapatkan rawatan. Apatah lagi, kesemua pengamal perubatan alternatif yang ditemui tak banyak membantu.

Kawan-kawan juga mulai meminggir

dengan pelbagai pertanyaan. Saya terfikir, kalau terkena tibi pun sudah disisihkan dan dipandang jijik oleh sesetengah orang, macam mana kalau AIDS?

"Siapa yang sudi menguruskan jenazah saya nanti? Apa ibu bapa saya mahu jawab kalau ditanya punca kematian?" ujar Syahdan.

Justeru sebaik keluar hospital, dia memutuskan untuk meninggalkan gaya hidup songsang yang diamalkan selama ini. Dia juga mula memilih kawan yang baik untuk dijadikan contoh.

"Sampai sekarang saya masih perlu memakan ubat tapi insya-ALLAH bakal pulih sepenuhnya tak lama lagi.

"Tapi pulih macam mana sekalipun, saya nekad tak akan ulangi dosa lampau sebab takut kali ini tiada lagi peluang bertaubat setelah diberikan peringatn," akhiri Syahdan.



Gambar lama Syahdan ketika berpakaian seperti wanita.